

Ahli perniagaan guna gelaran Datuk palsu ditahan

SEREMBAN: Polis menahan seorang ahli perniagaan yang juga presiden sebuah persatuan di negeri ini kerana disyaki menggunakan gelaran 'Datuk' palsu sejak lebih dua tahun lalu.

Lelaki berusia 29 tahun itu ditahan selepas dipanggil memberi keterangan di pejabat Jabatan Siasatan Jenayah Komersial negeri, kira-kira jam 11 pagi kelmarin.

Difahamkan, gelaran itu diguna-

kan lelaki berkenaan bagi meningkatkan reputasinya dan untuk kepentingan perniagaan.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial negeri, Superintendent Kamal Faizul Md Zain, berkata ahli perniagaan itu ditahan mengikut Seksyen 419 Kanun Keseksaan kerana disyaki menipu secara samaran yang boleh dihukum penjara sehingga tujuh tahun, denda atau kedua-duanya.

Beliau berkata, polis turut menyia-

sat kemungkinan lelaki itu menggunakan kad pengenalan dan dokumen palsu dalam beberapa kegiatan termasuk penubuhan sebuah syarikat.

Pada 22 September lalu, ahli perniagaan itu turut dipanggil Jabatan Siasatan Jenayah Komersial negeri berhubung siasatan satu kes penipuan membabitkan program yang dikendalikan persatuannya.

Bercakap kepada pemberita di sini semalam, Kamal Faizul berkata, polis

mendapat perintah menahan reman lelaki itu hingga 7 Oktober ini mengikut Seksyen 117 Kanun Prosedur Jenayah.

Perintah tahanan reman itu dikeluarkan Majistret Suhaila Haron, pagi semalam.

Ahli perniagaan berkenaan dibawa ke Kompleks Mahkamah Seremban di Seremban 2 oleh pegawai penyiasat Jabatan Siasatan Jenayah Komersial negeri, Cif Inspektor Mas-

lan Udin.

Ketika lelaki itu dibawa keluar menaiki kenderaan polis di belakang kompleks mahkamah itu, seorang wanita dipercayai ahli keluarganya cuba merampas kamera seorang jurugambar media menyebabkan berlaku kekecohan.

Bagaimanapun, seorang anggota polis menenangkan keadaan.

Oleh Hussain Said

'Datuk' sekolah juruterbang ditahan

SEREMBAN 29 Sept. - Polis menahan seorang pemimpin kanan Persatuan Penerbangan Experimental Belia dan Sukan (YSEAA) kerana dipercayai menggunakan gelaran Datuk palsu yang mempengaruhi orang ramai.

Muka 4

'Datuk' sekolah juruterbang ditahan

Oleh AZRAN FITRI RAHIM

SEREMBAN 29 Sept. - Polis menahan seorang pemimpin kanan Persatuan Penerbangan Experimental Belia dan Sukan (YSEAA) kerana dipercayai menggunakan gelaran Datuk palsu untuk mempengaruhi orang ramai.

Ketua Bahagian Siasatan Jenayah Perdagangan negeri, Supritendan Kamal Faizul Md Zain berkata, lelaki yang berusia 29 tahun itu ditahan selepas datang ke pejabat Bahagian Siasatan Jenayah Perdagangan negeri kira-kira pukul 11 pagi semalam.

Beliau berkata, polis telah menda-

patkan perintah tahanan reman ke atas lelaki tersebut mengikut Seksyen 117 Kanun Prosedur Jenayah (KPJ) bermula hari ini sehingga 7 Oktober.

"Pihak polis juga sedang menjalankan siasatan terhadap beberapa lagi kegiatan yang membabitkan lelaki ini termasuk penglibatannya dalam sebuah pusat latihan penerbangan yang dikendalikan YSEAA di Mantin dekat sini.

"Kita juga sedang menjalankan siasatan ke atas lelaki ini kerana dia dipercayai menggunakan kad pengenalan palsu semasa menubuhkan sebuah syarikat," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Kemelut YSEAA bermula baru-baru ini apabila seorang lelaki mendakwa pusat latihan penerbangan yang dijalankan oleh kelab tersebut tidak mendapat kelulusan Jabatan Penerbangan Awam (DCA) dan Kementerian Belia dan Sukan.

Selepas itu, Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pelajaran, Belia dan Sukan negeri, Datuk Mohamad Rais Zainudin disaman RM2 juta oleh kelab terbabit kerana mengadakan lawatan mengejut dan memasuki premisnya tanpa kebenaran.

Ekoran daripada itu, empat ahli jawatankuasa kelab berkenaan membuat laporan polis mendakwa nama mereka telah digunakan tanpa kebe-

naran dan menafikan terlibat dalam sebarang aktiviti yang dijalankan oleh YSEAA.

Sembilan pekerja pusat latihan tersebut juga dipecat tanpa sebab munasabah selepas lawatan mengejut yang dibuat oleh Mohamad Rais.

Kamal Faizul berkata, lelaki berkenaan disiasat mengikut Seksyen 419 Kanun Keseksaan kerana menipu dengan jalan samaran yang boleh dihukum penjara hingga tujuh tahun, denda atau kedua-duanya.

Tambahnya, perintah tahanan reman itu dikeluarkan oleh Majistret Suhaila Haron bagi membantu polis menjalankan siasatan terperinci terhadap lelaki terbabit.

Sports body head held for posing as datuk

TheStar

FRIDAY 30 September 2005

SEREMBAN: The president of a sports association here has been arrested for impersonating a Datuk.

State Commercial Crimes chief Supt Kamal Faizul Md Zain said police had obtained a remand order to probe the suspect's fake Federal and state Datukships.

The man, who is a company director, was arrested when he turned up at the police station here for his statement to be recorded at 11am on Tuesday.

He was taken to the magistrate's court here at 8am yesterday and was remanded for nine days.

A commotion broke out outside the court when a woman, believed to be the suspect's mother, tried to

grab the camera of a reporter. However, police managed to calm the situation.

Supt Kamal said police were investigating how the suspect obtained permits to operate the association, which comes under the Ministry of Youth and Sport's Raka Muda programme.

He said police were also looking into the possibility that the suspect had used a fake identification card to show that he is 40 years old, to fraudulently register several businesses.

It is also learnt that several police reports had been lodged against the suspect for cheating and criminal intimidation in Kelana Jaya and Kajang in Selangor.